

Berita Harian
30 November 2023



10 tahun memperkasa keselamatan kewangan

Tahun 2023 semakin hampir berakhiran dan istimewanya tahun ini adalah ulang tahun ke-10 bagi Sun Life Malaysia dengan satu dekad yang dipenuhi pencapaian luar biasa, usaha inovatif dan pelbagai kerjasama teguh.

Dalam merayakan sambutan ulang tahun yang melibatkan pelbagai aktiviti seperti jeyarawara, program ganjaran ulang tahun, insentif produk, pelbagai aktiviti dan pertandingan, kesan yang mendalam adalah produk kami yang sentiasa memberikan impak berterusan kepada pelanggan.

Sebagai sebahagian daripada syarikat perkhidmatan kewangan global berpengalaman 158 tahun, kami gigih merapatkan jurang perlindungan untuk pelanggan kami, menjadikan visi keselamatan kewangan mereka sebagai satu kenyataan. Ini bermakna jaminan masa depan mereka mencapai keselamatan kewangan sepanjang hayat.

Kami konsisten memperkenalkan produk insurans inovatif dan takaful yang memenangi anugerah dalam membantu pelanggan mencapai matlamat kewangan, kesihatan, perlindungan, malah urusan keagamaan. Contohnya, kita membantu lebih 130 pelanggan menjalankan ibadah haji melalui faedah Badal Haji.

Strategi berpusat pelanggan kami bersama budaya inovasi membantu meletakkan kami sebagai penyedia perlindungan dan ejen pemerksaan. Kami memperkasa individu dan keluarga dalam membuat keputusan bijak membolehkan mereka memperkasakan kewangan masa depan.

Dalam menghayati sepuluh tahun pencapaian, kita berharap untuk meneruskan impak positif dan pertumbuhan pada tahun mendatang. Sebahagian besar kejayaan itu bergantung dengan ca-

RAYMOND LEW

Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden/
Ketua Pegawai Negara,
Sun Life Malaysia



PANDANGAN



ra kita menuaikan janji kepada pelanggan, mengaturkan produk insurans dan takaful yang mudah diakses serta membantu mereka mencapai keselamatan kewangan sepanjang hayat.

Kami konsisten memperkenalkan produk insurans inovatif dan takaful yang memenangi anugerah dalam membantu pelanggan mencapai matlamat kewangan, kesihatan, perlindungan, malah urusan keagamaan. Contohnya, kita membantu lebih 130 pelanggan menjalankan ibadah haji melalui faedah Badal Haji.

Kami turut memperkenalkan e-hibah pertama dalam industri dan pelaburan yang berkaitan, aspek sosial dan tadbir urus (ESG) yang berkaitan dengan pelaburan untuk pelan konvensional dan takaful. Produk inovatif lain termasuk produk mikro-in-

surans mudah alih untuk masyarakat kurang berkemampuan. Baru-baru ini, pelan penyakit kritis telah memenangi anugerah untuk liputan pelbagai generasi, terutama untuk generasi sandwich.

Sun Life Malaysia Global Sustainable Fund yang dilancarkan pada Julai 2021 dan Sun Life Malaysia Global Islamic Sustainable Fund diperkenalkan pada Jun 2022 mewakili dana ESG pertama dalam industri yang disatukan ke dalam pelan pelaburan konvensional serta takaful terpilih. Dana ini membolehkan rakyat Malaysia mengambil kira pertimbangan ESG dalam membuat keputusan kewangan mereka sambil kekal kepada matlamat agama dan kewangan.

Urus aset RM6.2 bilion

Hari ini, Sun Life Malaysia berbangga melayani lebih 1.2 juta pelanggan dalam menguruskan aset melebihi RM6.2 bilion. Dalam sepuluh bulan pertama tahun ini, kami membayar sebanyak RM127 juta bagi tuntutan perubatan, penyakit kritis, kemalangan peribadi, kematian dan kecacatan kekal - peningkatan 6.7 peratus dari tempoh sama tahun lalu. Ini memberikan kepercayaan dan keyakinan pelanggan terhadap kemampuan kami untuk membimbing ke arah keselamatan kewangan serta menyokong keperluan mereka.

Selain itu, Sun Life Malaysia

kekalkan sebagai syarikat insurans yang berkembang pesat pada 2022, melangkah kadar pertumbuhan industri sebanyak tujuh kali ganda. Kami juga mengekalkan kedudukan sebagai syarikat bancatatafah terulung untuk tahun keempat berturut-turut dan berada dalam kalangan tiga teratas untuk bancassurance secara keseluruhan, dengan jumlah premiun tahunan pertama meningkat 36 peratus setiap tahun.

Pencapaian ini kejayaan besar yang dicapai oleh pelanggan kami, pemegang saham, ahli lembaga pengarah dan pekerja sedia ada dan yang terdahulu.

Terus komited terhadap hal tuju, kami meletakkan kelestarian sebagai keutamaan dalam operasi kami. Inisiatif untuk membina masyarakat yang lebih mampan, inklusif dan adil adalah sebahagian penting daripada strategi kami. Antara projek berimpak adalah Program Pemeriksaan Darah Brighter Health yang telah memberi ujian glukosa darah untuk lebih 28,000 orang dewasa dan bantuan kewangan untuk program komuniti dalam mengangani penyakit diabetes.

Kami juga telah membentuk pelbagai jaringan perkongsian bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi berdasarkan komuniti bertujuan untuk meningkatkan kelestarian komuniti dari aspek kewangan, fizikal dan mental, menekankan fokus Sun Life Malaysia terhadap

kelestarian secara menyeluruh.

Kami turut melancarkan program 'Brighter Wellness' yang menawarkan aktiviti untuk mempromosikan kesejahteraan kewangan, mental dan fizikal.

Dalam usaha melawan perubahan iklim, kami memulakan program penanaman pokok secara lestari, menyumbang kepada pemeliharaan hutan selaras dengan Program Penghijauan Malaysia dengan sejumlah 1500 pokok ditanam sejak 2022.

Meneruskan Warisan

Menyebut kata-kata Steve Jobs, 'orang-orang yang mempunyai keinginan besar boleh mengubah dunia menjadi lebih baik'. Sementara kita melangkah ke hadapan, fokus masih tetap dalam membantu rakyat membina legasi kewangan mereka untuk kejayaan jangka panjang.

Saya optimis bahawa industri insurans dan takaful Malaysia bersedia untuk pertumbuhan lebih positif didorong oleh peningkatan kesedaran pengguna, penilaian penduduk dan keperluan yang meningkat untuk ketahanan kewangan jangka panjang.

Untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana Sun Life Malaysia membantu orang ramai membina ketahanan kewangan dan warisan, layari www.sunlifemalaysia.com.

Sun Life Malaysia ialah pembekal insurans dan takaful